



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MAC 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* Negara Brunei Darussalam bagi Mac 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 49.9 bagi Mac 2025, mencerminkan pandangan pesimistik mengenai keadaan perniagaan berbanding dengan bulan sebelumnya. Secara amnya, sebahagian besar sentimen pesimistik ini dipengaruhi oleh permintaan pengguna yang lebih rendah dan pergerakan projek yang lebih perlana disebabkan waktu operasi yang lebih singkat sepanjang bulan Ramadhan. Walaupun faktor bermusim menyebabkan aktiviti yang perlana dalam banyak sektor, sentimen perniagaan secara keseluruhannya kekal stabil disebabkan jangkaan peningkatan prestasi dari beberapa sektor berkaitan dengan perbelanjaan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.3, menunjukkan keyakinan yang meluas dengan berakhirnya bulan Ramadhan, ketibaan bulan Syawal serta jangkaan projek-projek baharu. Walaupun cabaran berkaitan cuaca dijangka akan masih menjelaskan sesetengah perniagaan, pengembalian semula waktu operasi biasa serta perbelanjaan berkaitan dengan Hari Raya Aidilfitri menjadi pendorong utama untuk merangsang pemuliharaan permintaan merentasi kebanyakan sektor.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi Mac 2025, tempoh satu bulan ke hadapan, dan tiga bulan ke hadapan. Berdasarkan maklum balas kaji selidik, perniagaan dari pelbagai sektor mengekalkan pandangan pelaburan yang positif. Bagi Mac 2025, aktiviti pelaburan terutamanya tertumpu kepada pengisian semula inventori, pembelian mesin, penaiktarafan peralatan, dan kerja-kerja pengubahsuaian untuk memenuhi permintaan selepas bulan Ramadhan. Momentum ini dijangka akan berlanjutan ke April 2025 untuk menyokong projek-projek yang sedang berjalan serta jangkaan projek-projek baharu bagi bulan-bulan berikutnya. Memandang ke hadapan pada Jun 2025, perniagaan mengongsikan rancangan pelaburan mereka yang di antaranya berkaitan dengan acara-acara seperti Ekspo Pengguna dan Perdagangan yang ke-31 serta pelbagai projek-projek yang akan datang, tertakluk kepada kelulusan kerajaan dan pengesahan dari pelanggan.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** berada pada tahap 50.2 bagi Mac 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan, menunjukkan sentimen pengambilan pekerja yang stabil. Bagi Mac 2025, pengambilan pekerja ditumpukan kepada keperluan projek semasa dan pengembangan operasi, dengan perniagaan bersaiz besar meningkatkan pengambilan graduan. Bagi April 2025, rancangan pengembangan tenaga kerja dari semua saiz perniagaan bagi menampung projek semasa dan akan datang mencerminkan keyakinan yang berterusan terhadap aktiviti ekonomi. Walaupun tren pengambilan pekerja sebahagian besarnya didorong oleh perniagaan bersaiz besar, kebanyakannya perniagaan kecil dan sederhana kekal berwaspada – tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan projek-projek.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah pada tahap 49.9 bagi Mac 2025 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan menggambarkan para peniaga menjangka sedikit penurunan dalam kos operasi bagi Mac 2025 diikuti dengan kenaikan sederhana pada April 2025. Namun, hasil kaji selidik Mac 2025 menunjukkan sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan, sektor Pengangkutan & Komunikasi, dan sektor Hotel & Restoran memberi kesan ketara terhadap sub-indeks tersebut. Bagi sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan, tren ini terutamanya ditujukan kepada penurunan harga bahan mentah. Sektor Pengangkutan & Komunikasi dan sektor Hotel & Restoran melaporkan faktor musim menyumbang kepada permintaan yang lebih rendah, yang seterusnya menyebabkan penurunan kos operasi. Sementara itu, sektor-sektor lain menjangka kenaikan kos operasi disebabkan beberapa faktor termasuk pemberian *bonus* Hari Raya Aidilfitri, promosi-promosi dan persiapan untuk perayaan, dan peningkatan dalam pembayaran gaji selaras dengan pengembangan tenaga kerja. Bagi satu bulan ke hadapan, hasil kaji selidik menunjukkan jangkaan meluas terhadap kenaikan kos operasi merentasi sektor dan saiz perniagaan berikutkan pengembalian semula kepada waktu operasi biasa, kos tenaga kerja daripada usaha pengambilan pekerja yang berterusan, serta pelaksanaan Fasa Kedua bagi dasar Upah Minimum¹.

BSI Mac 2025	
Keadaan Perniagaan	49.9
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3

¹ Fasa kedua dasar upah minimum Brunei, yang diumumkan pada Februari 2025 dan dilaksanakan pada 1 April 2025, memperluaskan pelaksanaan dasar tersebut kepada sembilan sub-industri tambahan merangkumi enam sektor: perkhidmatan kewangan dan insurans; kesihatan manusia dan kerja sosial; pendidikan; profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan; dan penginapan dan perkhidmatan makanan. <https://mediapermata.com.bn/pelaksanaan-upah-minimum-fasa-kedua/>

Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.2

8. Dari segi **sektor ekonomi**, empat daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik bagi Mac 2025. Sektor Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan indeks tertinggi pada 50.7, didorong oleh peningkatan jualan di bulan Ramadhan dan persiapan Hari Raya Aidilfitri. Kebanyakan perniagaan dalam sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan menjangka perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi untuk buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan sempena musim perayaan. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil dalam sektor ini mengongsikan kebimbangan mengenai prestasi rendah akibat tempoh cuti persekolahan dan cabaran berkaitan cuaca. Sektor Pembinaan melaporkan pandangan optimistik namun berwaspada memandangkan kebanyakan perniagaan menjangka pemulihan aktiviti perniagaan selepas musim monsun dan perolehan pelanggan baharu. Walau bagaimanapun, isu penangguhan pembayaran dan ketidakpastian cuaca kekal menjadi kebimbangan. Sentimen sektor Kewangan & Insurans agak bercampur disebabkan oleh pertumbuhan bermusim yang dihadapi oleh kebanyakan perniagaan insurans dan takaful, manakala yang lain melaporkan keadaan yang lebih kurang sama. Sebaliknya, lima sektor menunjukkan sentimen pesimistik: Sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan melaporkan kekhawatiran mengenai tahap keuntungan yang lebih rendah akibat ketegangan perdagangan global; Sektor Perkhidmatan Lain menghadapi cabaran berkaitan dengan penurunan aktiviti pelanggan dan penangguhan dalam penganugerahan projek; Sektor Pengangkutan & Komunikasi melaporkan prestasi lemah akibat permintaan luar musim (*off-peak*); Sektor Hotel & Restoran terjejas dengan sekatan perkhidmatan *dine-in* semasa bulan Ramadhan, pengurangan tempahan acara-acara (seperti majlis perkahwinan) dan kadar penghunian hotel yang rendah; manakala Sektor Kesihatan & Pendidikan mencatatkan sentimen yang terendah berikutan waktu operasi yang lebih pendek dan kunjungan pesakit yang berkurangan. Sektor-sektor lain – Harta Tanah & Pemilikan Kediaman serta Pembuatan – kekal stabil dengan sentimen yang sama berbanding bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Mac 2025 Mengikut Sektor	
Perdagangan Borong & Runcit	50.7
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.2
Pembinaan	50.2
Kewangan & Insurans	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembuatan	50.0
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.9
Perkhidmatan Lain	49.8
Pengangkutan & Komunikasi	49.4
Hotel & Restoran	49.3
Kesihatan & Pendidikan	49.3

9. Dari segi **saiz perniagaan**, perniagaan mikro dan sederhana melaporkan pandangan sedikit optimistik, sebahagian besar didorong oleh permintaan musim Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil dan besar secara amnya pesimistik, terutamanya perniagaan dalam sektor Pengangkutan & Komunikasi, Hotel & Restoran, serta Kesihatan & Pendidikan yang terjejas oleh cabaran bermusim dan gangguan operasi.

Keadaan Perniagaan Mac 2025 Mengikut Saiz	
Mikro	50.1
Kecil	49.9
Sederhana	50.2
Besar	49.9


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank


Tarikh: 15 Zulkaedah 1446H / 13 Mei 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mac 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.